

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEJAYAAN KOMUNITI ORANG ASLI MAH MERI DALAM PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI

FACTORS THAT INFLUENCE THE SUCCESS OF MAH MERI COMMUNITY IN COMMUNITY-BASED TOURISM (CBT)

Rohayu Roddin ¹
Yusmarwati Yusof ²
Marina Ibrahim Mukhtar³
Halizah Awang⁴

^{1,2,3&4} Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Malaysia, (rohayu@uthm.edu.my)

Article history

Received date : 7-3-2019
Revised date : 8-3-2019
Accepted date : 14-3-2020
Published date : 30-6-2020

To cite this document:

Roddin, R., Yusof, Y., Ibrahim Mukhtar, M., & Awang, H. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Komuniti Orang Asli Mah Meri Dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(7), 13 - 23.

Abstrak: *Pelancongan berasaskan komuniti merupakan satu pendekatan baru dalam mengatasi masalah kemiskinan dan tidak ramai komuniti Orang Asli mengambil peluang dari aktiviti ini. Namun ia berbeza dengan komuniti Mah Meri yang telah berjaya menikmati faedah melalui penglibatan dalam pelancongan. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan komuniti Mah Meri dalam pelancongan berasaskan komuniti. Temu bual secara semi struktur merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian di mana ia melibatkan seramai 11 orang peserta kajian. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan dibantu teknik bebola salji. Faktor dalaman dan faktor luaran merupakan penemuan penting yang menyokong pembangunan potensi serta keupayaan komuniti melalui perubahan minda, sikap dan tingkah laku. Faktor dalaman seperti sikap, motivasi, keusahawanan, tadbir urus, pengalaman, kemahiran dan ideologi merupakan atribut psikologi asli yang mempengaruhi kejayaan komuniti Mah Meri disokong pula dengan faktor luaran seperti sistem sokongan, jaringan kerjasama dan imej. Integrasi faktor dalaman dan faktor luaran telah mempengaruhi kejayaan komuniti Mah Meri dalam pelancongan berasaskan komuniti yang dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada komuniti terpinggir lain dalam memajukan diri melalui aktiviti pelancongan.*

Kata Kunci: *Faktor Kejayaan, Komuniti Orang Asli, Pelancongan Berasaskan Komuniti*

Abstract: *The community-based tourism (CBT) is a new approach in overcoming the problems of poverty within aboriginal communities. Only a few aboriginal communities have taken the opportunity and one of them is the Mah Meri community. This community has enjoyed the benefits of their involvement in tourism. This study was carried out to explore the factors that influenced the success of the the Mah Meri community in CBT . Semi structured interview is the*

main method used in the study where it involved 11 participants. Participants were selected using a purposive sampling method and assisted by snowball techniques. Internal and external factors were important factors that encouraged the development of the community's potentials and capabilities through changes in their mindsets, attitudes and behaviors. The internal factors such as attitude, motivation, entrepreneurship, governance, skills, experiences and ideologies are the indigenous psychology attributes that influenced the community's success which are further supported by the external factors; support system, networking and reputation. Integration of internal factors and external factors has influenced the successful of Mah Meri community in a CBT that can be used as a reference and guide to isolated communities in developing themselves through tourism activities.

Keywords: *Success Factor, Aboriginal Community, Community-Based Tourism*

Pengenalan

Pelancongan banyak membawa kesan positif terutama kepada komuniti miskin dan pembangunan pelancongan tidak perlu modal yang besar dengan cukup mengembangkan potensi yang ada dalam komuniti tersebut. Penyertaan komuniti adalah penting dalam menggerakkan aktiviti pelancongan dan seterusnya melalui transformasi sosial dan ekonomi (Mathieson dan Wall, 1991; Yahaya, 2008; Yahaya, 2009). Telah banyak bukti menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan banyak memberi faedah kepada komuniti tersebut. Namun terdapat permasalahan yang perlu difikirkan di mana kejayaan mereka dalam industri ini tidak dipantau yang menyebabkan faedah sebenar mereka tidak dapat diukur. Terlalu sedikit kajian yang dilakukan untuk mengetahui sumbangannya terhadap pemuliharaan mata pencarian komuniti tempatan (Goodwin dan Santilli, 2009). Justeru, melalui kajian ini diharapkan ia mampu untuk memberi gambaran sebenar sebagai komuniti Orang Asli yang mampu berjaya melalui Pelancongan Berasaskan Komuniti. Kebudayaan Orang Asli boleh menjadi salah satu tarikan kepada pelancong. Keadaan ini turut menarik perhatian dari agensi pelancongan, kerajaan dan juga ahli akademik. Pelancongan yang berasaskan komuniti Orang Asli memberi peluang kepada komuniti Orang Asli untuk lebih berdikari dalam meningkatkan tahap ekonomi mereka di samping memelihara kebudayaan kaum. Orang Asli bermotivasi untuk terlibat dalam pelancongan adalah atas alasan ekonomi kerana ia dapat menjanakan pendapatan kepada komuniti Orang Asli (Hinch dan Butler, 2007).

Budaya sesebuah komuniti merupakan salah satu aset penting yang boleh menarik pelancong. Oleh itu, aspek budaya dan aktiviti pelancongan sememangnya sukar untuk dipisahkan. Ini kerana kedua-dua elemen ini saling bertimbal balik. Para pelancong menganggap aktiviti pelancongan sebagai suatu pengalaman budaya yang ingin mereka terokai. Tujuan melancong bukan sahaja untuk menikmati pemandangan serta keadaan semulajadi di sesuatu kawasan, tetapi untuk melihat serta menikmati sesuatu budaya yang berbeza dengan budaya mereka. Oleh itu, faktor budaya memainkan peranan penting dalam menjana aktiviti pelancongan. Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis tarian. Sesetengah komuniti mempunyai jenis tarian yang tersendiri yang diwarisi sejak turun-temurun (Yahaya, 2008). Ini juga dapat dilihat dalam komuniti Orang Asli di Malaysia yang mempunyai pelbagai bentuk tarian mengikut kepercayaan dan amalan setiap suku kaum. Justeru melalui Pelancongan Berasaskan Komuniti, komuniti Orang Asli dapat mengekalkan budaya dan dalam masa yang sama memperkenalkan keunikan budaya Malaysia ke serata dunia.

Penglibatan komuniti Mah Meri dalam pelancongan mula terkenal secara tidak langsung ekoran dari penglibatan mereka dalam program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Sebelum ini mereka hanya mengukir dan menganyam untuk memenuhi keperluan masa lapang. Begitu juga dengan tarian kebudayaan di mana ia hanya dilakukan apabila ada majlis perayaan dan keraian sahaja. Namun, kini segalanya telah berubah di mana kegiatan masa lapang mereka telah menjadi sumber pendapatan sampingan. Bagi menyokong lagi kegiatan komuniti Mah Meri ini, kerajaan telah menyediakan sebuah Kompleks Perkampungan Budaya. Kampung Budaya Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey boleh menjadi sebuah platform untuk mempromosikan keunikan budaya Orang Asli, menaik taraf sosioekonomi mereka dan boleh menjadi sebagai produk pelancongan (Siti Khairunnisa, 2014).

Komuniti Mah Meri terkenal dengan hasil kraf tangan. Hasil kraf tangan ini mampu menjadi daya tarikan pelancong kerana pembelian cenderamata merupakan satu kekuatan dalam menarik kedatangan pelancong secara berulang. Komuniti Orang Asli juga terkenal dengan persembahan kebudayaan mereka. Seni persembahan Orang Asli boleh dibahagikan mengikut tiga kelompok besar masyarakat Orang Asli seperti tradisi persembahan Semang atau Negrito, kesenian Senoi dan ketradisian Melayu Proto. Dari tiga kelompok tersebut, kelompok Negrito dan Senoi mempunyai keterikatan yang amat erat dengan ekologi alam hutan hujan tropika, sementara kelompok Melayu Proto mempunyai hubungan intim dengan kawasan persisiran hutan bakau dan anak-anak sungai. Kelompok Senoi yang merupakan kelompok terbesar Orang Asli bermukim di kawasan daratan rendah atau tanah tinggi sering diwakili oleh persembahan dari masyarakat Temiar dan Semai, sementara masyarakat Jah Hut, Che Wong dan Semok Beri jarang membuat persembahan di luar lingkungan masyarakatnya. Seni persembahan Orang Asli bukan sahaja menjadi bahan tontonan aneh tetapi juga menjadi wadah identiti masyarakat pinggiran yang dianggap terasing dan terpencil dari arus semasa. Artifak kesenian Orang Asli seperti ukiran kayu, sulaman daun kelapa dan palma liar, topeng muka, alat muzik dan alat peralatan tradisional mendapat pasaran dalam negeri di kalangan pelancong tempatan dan dari luar negeri (Mohd. Anis, 2004).

Penglibatan dan pendedahan Komuniti Mah Meri dalam banyak program berkaitan dengan pelancongan menunjukkan bahawa pelaksanaan dan penglibatan mereka perlu dikaji agar faktor-faktor kejayaan mereka dapat menjadi model ikutan kepada komuniti Orang Asli yang lain. Menurut Jami'ah (2009) penempatan Orang Asli Mah Meri di kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey terkenal sebagai pusat tumpuan pelancong kerana menyediakan pelbagai aktiviti berkaitan suku kaum serta mengeluarkan pelbagai produk bermutu hasil kerja tangan penduduk. Malah produk yang dihasilkan mendapat pengiktirafan dari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) kerana keunikannya. Kewujudan Kompleks Kampung Budaya dan Pusat Kraf tangan di kawasan penempatan mereka telah menggalakkan lagi aktiviti pelancongan dalam kalangan komuniti Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan dalam Komuniti Miskin

Bagi menentukan kejayaan untuk golongan miskin ia bergantung kepada beberapa faktor yang telah dikenalpasti sebagai kunci untuk menentukan sama ada golongan miskin berupaya atau tidak mengambil peluang daripada faedah sumber pendapatan yang ditawarkan oleh pelancongan (Renard, 2001).

- (i) Kejayaan bergantung kepada persoalan di mana anda berada. Kemudahan pelancongan dan aktiviti tidak teragih dengan sekata dari segi geografi dan menyebabkan keadaan laluan masuk menjadi satu masalah kepada orang ramai. Justeru, peluang-peluang untuk pembangunan dan pemasaran aktiviti terpaksa dihadkan jika jaraknya jauh di antara pelanggan dan produk. Apa yang dimaksudkan di sini ialah jika dilihat dalam situasi kajian, maka masyarakat peribumi perlu melihat kepada perhubungan yang ada supaya bantuan mudah disalurkan dan pelancong boleh datang kepada produknya.
- (ii) Kejayaan bergantung kepada persoalan siapa anda. Keputusan penting biasanya tidak dibuat oleh mereka yang miskin atau golongan yang mahu membentuk dasar program mengatasi kemiskinan. Kebanyakan keputusan kritikal selalunya dibuat di negara luar, atau oleh mereka yang berkepentingan dan mempunyai pengaruh setempat. Kecuali pada masa-masa tertentu yang jarang berlaku di mana proses penggubalan dasar awam tidak cukup penyertaannya. Membuat keputusan dalam komuniti peribumi adalah penting di mana kebolehan berkomunikasi boleh menyalurkan hasrat dan keperluan mereka kepada pihak atasan supaya mereka memperoleh faedah dari dasar yang dibangunkan oleh kerajaan.
- (iii) Kejayaan bergantung kepada persoalan apa yang anda ada. Keupayaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta menjana pendapatan adalah bergantung kepada kewujudan aset fizikal atau sumber kewangan. Golongan miskin mempunyai kekangan kerana tiada aset, dan kesukaran dalam mengakses dan menggunakan aset harta milik bersama. Pengkaji merumuskan bahawa aset yang dimiliki oleh komuniti peribumi boleh menjadi sebagai satu tarikan kepada pelancongan seperti persekitaran dan budaya yang dimilikinya. Ia mampu menghasilkan pendapatan dari kelebihan dalam komuniti. Apa yang penting ialah kerjasama dari setiap ahli kerana penggunaan bersama aset tersebut mampu menghasilkan pulangan yang lumayan.
- (iv) Kejayaan bergantung kepada persoalan apa yang anda tahu. Usaha untuk mengambil bahagian dalam industri terhalang oleh kekurangan pengetahuan tentang bagaimana industri tersebut berfungsi. Dalam ketiadaan pengetahuan yang mencukupi berkaitan operasi dalam sektor ini maka keadaan semasa tidak akan berubah. Pengetahuan boleh menjadi kekuatan kepada komuniti peribumi di mana dengan pengetahuan mereka mampu mengetahui kaedah menguruskan pelancongan dan jaringan yang diperlukan untuk mengembangkan industri ini dalam komuniti mereka.

Satu kajian literatur dalam bidang ini telah mengenalpasti beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan masyarakat peribumi atau Orang Asli. Bagaimanapun, jika faktor-faktor ini tidak diurus dengan baik, ia boleh menghalang pertumbuhan dan daya maju untuk jangka masa panjang. Terdapat beberapa faktor untuk mewujudkan operasi perniagaan pelancongan peribumi yang berjaya iaitu melalui perancangan dan pengurusan strategik, akses untuk *start-up* kewangan dan modal, pembangunan produk dan penyelidikan pasaran, akses kepada pekerja mahir yang mencukupi serta pendidikan dan latihan. Lebih luas lagi, isu luaran yang berkaitan dengan kejayaan perniagaan peribumi termasuk tadbir urus, penyertaan komuniti, kawalan, pembiayaan dan sistem sokongan kerajaan, keusahawanan dan pemilikan tanah (Whitford dan Ruhanen, 2009). Keupayaan adalah isu utama bagi usaha pelancongan yang berjaya. Melalui kaedah perkongsian, ia dapat memberi peluang terbaik dalam perusahaan

pelancongan. Pembinaan keupayaan adalah perlu dalam mewujudkan operasi dengan skala yang lebih besar. Penilaian yang teliti diperlukan dalam perancangan pelancongan yang dicadangkan dan prospek serta kesan yang mungkin timbul dalam masyarakat. Masyarakat peribumi atau Orang Asli perlu diberi kesedaran tentang apa yang mereka harapkan, apa yang mereka boleh dapat dari segi ganjaran kewangan dan apakah sokongan disediakan melalui penceburan dalam pelancongan (Brereton, et al., 2007).

Dapatlah dirumuskan bahawa untuk berjaya terdapat beberapa perkara perlu dipertimbangkan termasuklah pembinaan keupayaan diperingkat individu dan seterusnya membentuk pembinaan keupayaan diperingkat komuniti. Faktor persekitaran menjadi satu faktor yang menyokong kepada pembinaan individu dan komuniti tersebut. Apa yang pasti apabila adanya dorongan dalaman dan luaran individu, komuniti mampu untuk mencetus daya dalam menggerakkan perubahan ke arah pencapaian matlamat.

Pelancongan Berasaskan Komuniti

Pelancongan Berasaskan Komuniti atau *Community-Based Tourism (CBT)* telah dilaksanakan lebih tiga dekad lalu yang dikenali sebagai penglibatan komuniti tempatan melalui penawaran produk pelancongan untuk tujuan pembangunan sosial, persekitaran dan ekonomi. *CBT* sebahagian besarnya turut bergantung kepada infrastruktur seperti pengangkutan sama seperti bentuk pelancongan arus perdana yang lain. *Thailand Community Based Tourism Institute* mentakrifkan *CBT* sebagai pelancongan yang mengambilkira kemapanan alam sekitar, sosial dan kebudayaan. Ia diurus dan dimiliki oleh masyarakat, untuk masyarakat, dengan tujuan membolehkan pengunjung meningkatkan kesedaran mereka dan belajar tentang cara hidup masyarakat tempatan. Manakala *WWF* mentakrifkan *CBT* sebagai satu bentuk pelancongan di mana masyarakat tempatan mempunyai kawalan yang besar ke atas penglibatan, pembangunan dan pengurusan yang sebahagian besar faedah diperoleh oleh masyarakat. *WWF* juga menerima konsep masyarakat bergantung kepada struktur sosial dan institusi tempatan dan ia juga memerlukan inisiatif individu dalam masyarakat (Goodwin dan Santilli, 2009).

Dalam pelancongan ini, penduduk di dalam komuniti yang melaksanakan pembangunan pelancongan tersebut terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan untuk pembangunan. Ia merupakan satu proses pembuatan keputusan daripada bawah ke atas (*bottom-up approach*), iaitu dari penduduk tempatan kepada pihak kerajaan yang membuat keputusan berkaitan pembangunan tersebut. Pelancongan yang berasaskan komuniti menghasilkan pekerjaan kepada ahli komuniti, mengurangkan kemiskinan dan menghasilkan kesan negatif yang sedikit kepada sumber warisan budaya dan alam sekitar yang dimiliki oleh komuniti itu berbanding dengan pembangunan pelancongan yang menggunakan pendekatan yang lain seperti Pelancongan Massa. Bank Dunia mengiktiraf pembangunan pelancongan berasaskan komuniti ini sebagai satu corak pembangunan yang berupaya untuk membasmi kemiskinan. Pendapatan yang terhasil daripada pembangunan pelancongan ini selalunya digunakan untuk membiayai usaha pemuliharaan warisan, usaha pemuliharaan peninggalan sejarah dan benda purba serta usaha menghasilkan kraf tangan tradisional. Pembangunan pelancongan yang berasaskan komuniti akan dapat menguatkan institusi yang dirangka dengan meluaskan penglibatan penduduk tempatan dan juga dapat meningkatkan faedah ekonomi, sosial dan budaya kepada majoriti penduduk tempatan (Kalsom, Nor Ashikin dan Mohd Amin, 2004).

Penglibatan Komuniti Orang Asli dalam Pelancongan

Budaya peribumi atau Orang Asli telah menjadi tarikan kuat kepada pelancong dan keadaan ini telah menarik perhatian usahawan pelancongan, agensi-agensi kerajaan dan ahli akademik. Dari perspektif ekonomi, peribumi dilihat sebagai mempunyai kelebihan menerusi pelancongan yang berdaya saing berdasarkan budaya mereka yang unik, layanan dan tanah tradisi mereka. Hubungan antara pengekalan budaya dan ekonomi saling bergantung di mana budaya dilihat mampu menyumbang kepada kejayaan ekonomi dan kejayaan ekonomi menyumbang kepada pengekalan budaya (Hinch dan Butler, 2007). Menurut Shaw dan Williams (1997), elemen penting yang menjadi tarikan kepada pelancong adalah melibatkan perkara fizikal iaitu kraf tangan, tradisi, sejarah kawasan/wilayah, seni bina, makanan tempatan, seni dan muzik, cara hidup, agama, bahasa dan pakaian tradisi. Kraf tangan dan tradisi menjadi salah satu elemen yang boleh menarik kedatangan pelancong. Elemen ini merupakan satu kekuatan kepada komuniti Orang Asli yang mempunyai kraf tangan yang unik dan budaya tradisi yang menarik.

Masyarakat Orang Asli di Malaysia telah dibahagikan kepada tiga kumpulan suku bangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Nicholas, 2000). Oleh kerana terdapat pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat Orang Asli, maka terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Orang Asli merupakan komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semula jadi. Kehebatan komuniti tersebut ternyata berpunca daripada pengaplikasian kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi oleh generasi terdahulu. Keserasian cara hidup yang begitu harmoni dengan alam sekitar membolehkan mereka mengenal pasti tanah yang sesuai untuk bertani, hasil hutan yang bermanfaat dan pemuliharaan yang berkesan demi menghormati sumbangan alam terhadap kehidupan mereka (Suhaila, 2010).

Selain itu, masyarakat Orang Asli sememangnya kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian. Kehidupan mereka penuh dengan mistik dan kepercayaan kepada alam sekeliling. Seni ukiran kayu di antara aktiviti seni yang masih dipelihara sehingga kini. Seni ukiran kayu merupakan satu aktiviti untuk mengisi masa lapang dan turut digunakan semasa upacara ritual. Daripada 18 suku kaum masyarakat Orang Asli yang terdapat di negara ini, hanya suku kaum Mah Meri dan Jah Hut yang mendominasi seni ukiran kayu khususnya ukiran patung dan topeng. Kebiasaannya rupa bentuk ukiran patung dan topeng yang hendak dihasilkan adalah dari ilham melalui mimpi atau gambaran cerita dari nenek moyang mereka yang berasaskan daripada mitos yang dipercayai pernah wujud suatu masa dahulu (Norasmah dan Husnorhafiza, 2011).

Rakyat Malaysia dapat menyaksikan kepelbagaian budaya dan kesenian Orang Asli mengikut suku kaum masing-masing melalui kehidupan kelompok sosial yang unik dan suku kaum yang pelbagai serta perbezaan faktor bahasa, kebudayaan, adat resam dan keadaan fungsi ekonominya. Sebagai langkah menegenahkan budaya dan kesenian Orang Asli, pelbagai persembahan kebudayaan dan kesenian diselenggarakan di majlis-majlis keramaian, seminar-seminar dan sambutan perayaan di Malaysia. Kerjasama dan penglibatan di kalangan masyarakat Orang Asli begitu menggalakkan hingga ada di antara persembahan mereka dijadikan acara tahunan Malaysia (Adi, Hood dan Rashid, 2006). Begitu juga dengan komuniti Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun di mana perayaan Hari Moyang yang diadakan setiap tahun merupakan perayaan yang mendapat sambutan dari pelancong dalam dan luar negara. Ini

menunjukkan bahawa melalui Pelancongan Berasaskan Komuniti, ia mampu memberi satu sumber pendapatan yang baru kepada komuniti Orang Asli melalui kelebihan yang ada pada komuniti dan persekitarannya.

Komuniti Orang Asli Mah Meri

Masyarakat Orang Asli Mah Meri merupakan kumpulan etnik Orang Asli daripada kumpulan Senoi. Mah Meri bermakna “Orang Hutan” sementara dari segi istilah pula Mah Meri disebut “bersisik”. Kaum ini juga dikenali sebagai Orang Laut kerana mereka tinggal berhampiran dengan laut dan bekerja sebagai nelayan (Muzium Pribumi, 2007). Produk yang berasaskan kayu dan anyaman terkenal dikalangan Suku Kaum Mah Meri. Keunikan hasil ini telah mendapat permintaan dari pelancong tempatan dan juga luar negara. Produk ukiran kayu yang dihasilkan oleh mereka adalah seperti ukiran patung, topeng dan hiasan lain yang diperbuat daripada spesis kayu Nyireh Batu dan Kayu Pulau. Spesis kayu ini digunakan untuk menghasilkan ukiran-ukiran seperti Moyang Tenung, harimau Berantai dan Topeng Moyang Tok Naning. Manakala spesis pandan, daun nipah dan bahan lain digunakan untuk menghasilkan produk anyaman seperti bakul, gelang, penanda buku, bujam dan bakul berduri serta lain-lain yang dihasilkan oleh kumpulan wanita dalam Suku Kaum Mah Meri. Selain itu, mereka juga mempunyai kumpulan tarian sendiri iaitu kumpulan tarian Jo Oh yang sering membuat persembahan di Perkampungan Budaya ataupun di majlis-majlis keramaian di luar penempatan mereka. Pembinaan Perkampungan Budaya telah membuka ruang bagi komuniti ini mengembangkan kegiatan atau program pelancongan mereka (JAKOA Selangor, 2011).

Melalui Bahagian Pengupayaan Ekonomi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Komuniti Mah Meri merupakan antara komuniti Orang Asli yang pertama dilibatkan dalam program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Di Malaysia, penghasilan kraf tangan dalam program SDSI dilihat mempunyai kekuatan untuk mengeluarkan produk yang menjadi tarikan pelancongan. Selain itu matlamat dari penubuhan SDSI ini juga turut mengambil kira keperluan daripada permintaan pelancong. Penghasilan kraf tangan oleh komuniti Orang Asli Mah Meri telah menjadi satu tarikan pelancongan yang berasaskan komuniti ekoran daripada penyertaan mereka dalam program SDSI, yang secara tidak langsung telah memperkenalkan produk mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga memberi peluang dan pendedahan kepada masyarakat Mah Meri untuk turut serta dalam setiap penyertaan pameran dan demonstrasi di peringkat tempatan dan antarabangsa. (JAKOA Selangor, 2011). Penglibatan dan pendedahan Komuniti Mah Meri dalam banyak program memberi peluang kepada masyarakat ini menjalin hubungan dua hala dengan masyarakat luar di samping secara tidak langsung mempromosikan produk dan juga budaya komuniti ini.

Faktor-faktor yang mempengaruhi Kejayaan Komuniti Mah Meri

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana kaedah temu bual semi struktur merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan dibantu teknik bebola salji di mana peserta yang dikenalpasti mencadangkan peserta seterusnya berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki. Hasil dari temu bual bersama 11 orang peserta kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh faktor dalaman dan tiga faktor luaran yang mempengaruhi kejayaan komuniti Mah Meri. Setiap peserta kajian telah di kodkan sebagai PK1, PK2, PK3 PK11. Jadual 1 dan 2 menunjukkan hasil dapatan kajian dari temubual bersama 11 orang peserta kajian. Jadual 1 menunjukkan

terdapat tujuh faktor utama yang dikenal pasti yang mempengaruhi kejayaan komuniti Mah Meri dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti iaitu faktor sikap, motivasi, keusahawanan, tadbir urus, kemahiran, pengalaman dan ideologi. Daripada jadual 1 jelas menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian menyatakan bahawa faktor-faktor tersebut sebagai faktor utama mendorong perubahan mereka untuk berjaya. Walau bagaimanapun, faktor ideologi merupakan antara faktor yang dianggap kurang mempengaruhi sejumlah dari mereka. Namun begitu ia merupakan satu penemuan menarik dalam kajian ini di mana faktor ideologi merupakan satu faktor penting dari segi aspek fahaman dan kepercayaan yang membezakan mereka dengan komuniti lain di Malaysia untuk berjaya dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti.

Jadual 1: Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Kejayaan Komuniti Mah Meri dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti

Peserta kajian / Faktor Dalaman	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	PK 7	PK 8	PK 9	PK 10	PK 11	Jumlah
Sikap	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Motivasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Keusahawanan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Tadbir Urus	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Kemahiran	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Pengalaman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Ideologi	✓	0	0	✓	✓	0	0	✓	0	✓	0	5

Faktor luaran seperti di Jadual 2 merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan individu dan komuniti Mah Meri. Ia berada di luar lingkaran individu dan komuniti yang menyokong kejayaan mereka.

Jadual 2: Faktor Luaran yang Mempengaruhi Kejayaan Komuniti Mah Meri dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti

Peserta kajian / Faktor Luaran	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	PK 7	PK 8	PK 9	PK 10	PK 11	Jumlah
Sistem Sokongan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Jaringan Kerjasama	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
Imej	✓	✓	0	0	0	✓	✓	0	0	✓	✓	6

Terdapat tiga faktor utama yang mendorong kejayaan komuniti Orang Asli Mah Meri dalam aktiviti pelancongan iaitu faktor sistem sokongan, jaringan kerjasama dan imej. Kesemua 11 peserta kajian bersetuju bahawa sistem sokongan dan jaringan kerjasama merupakan faktor-faktor yang menyokong kejayaan mereka. Manakala hanya 6 peserta kajian sahaja yang menyatakan bahawa imej merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi mereka untuk

berjaya dalam pelancongan. Faktor sokongan merupakan bantuan dan galakkan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan NGO. Ia termasuk juga sokongan sumber jaya di persekitarannya. Jaringan kerjasama pula merupakan kerjasama yang diperoleh dari ahli komuniti dan juga masyarakat sekitarnya. Manakala imej pula melibatkan imej tarikan pelancongan komuniti seperti kraf tangan, kebudayaan dan persekitaran. Imej juga merupakan penanda aras yang diberikan melalui pengiktirafan dari dalam dan luar negara kepada komuniti Mah Meri. Selain itu hasil seni yang autentik merupakan imej bagi komuniti ini yang menyokong kejayaan mereka dalam aktiviti pelancongan.

Seperti Rajah 1, faktor dalaman dan faktor luaran merupakan faktor-faktor utama yang mendorong kejayaan komuniti ini. Faktor-faktor ini telah menghasilkan tolakan ke arah perubahan sikap dan tingkah laku di mana kesan tolakan ini telah mewujudkan pembangunan potensi dan keupayaan mereka. Faktor-faktor ini, bergerak seiring dengan proses transformasi komuniti yang tercetus akibat dari program dan peluang yang diberikan oleh pihak kementerian dan *NGO*. Penglibatan komuniti ini dalam program SDSI telah membuka ruang pendedahan kepada pembinaan keupayaan menerusi latihan, pameran, lawatan dan demonstrasi. Segala peluang dan ruang yang diberikan diguna sebaik mungkin dalam pembangunan potensi dan keupayaan mereka. Selain itu, peranan Kampung Budaya yang berada di penempatan mereka turut mengembangkan potensi komuniti melalui bidang pelancongan. Berdasarkan teori transformasi dan psikologi sosial menunjukkan bahawa apabila seseorang individu dan komuniti mempunyai matlamat yang ingin dicapai, dorongan untuk berubah wujud sama ada dari keinginan mereka sendiri atau sokongan luaran mereka. Justeru, faktor dalaman dan faktor luaran berperanan dalam mendorong perubahan komuniti ini untuk berjaya dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti melibatkan kraftangan, kebudayaan dan persekitaran mereka.



Rajah 1: Faktor Dalaman dan Faktor Luaran yang mendorong Kejayaan Komuniti Mah Meri

Rumusan

Hasil rumusan kajian menunjukkan terdapat tujuh faktor dalaman dan tiga faktor luaran yang mempengaruhi peserta kajian untuk berjaya dalam bidang Pelancongan Berasaskan Komuniti. Mereka menggunakan segala kelebihan yang ada dalam komuniti termasuk persekitarannya sebagai salah satu pakej pelancongan yang menarik. Faktor-faktor ini banyak mendorong pembentukan komuniti yang berjaya. Ciri-ciri unik dari aspek ideologi merupakan satu penemuan yang berbeza dengan komuniti lain yang digambarkan melalui kebolehan spiritual terhadap lahirnya pemikiran kreatif dan dorongan semangat luar biasa ke arah tindakan positif yang disalurkan melalui hasil yang terbaik. Contohnya seperti kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan bantuan roh nenek moyang mereka memberi satu semangat kepada mereka dalam mempersembahkan tarian yang menarik. Selain itu, gambaran ukiran yang diilhamkan merupakan kesinambungan dari kepercayaan mereka terhadap bantuan kuasa tersebut. Justeru, ideologi atau kepercayaan merupakan satu penemuan penting dalam komuniti ini mengarah kepada tingkah laku yang positif tanpa perlu kepada pembelajaran secara formal.

Penghargaan

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (KPT) yang membiayai kos penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Vot 1606 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana memberi kebenaran dan kelulusan.

Rujukan

- Adi bin Haji Taha, Hood bin Haji Salleh dan Rashid bin Esa. (2006). *Orang Asli: Khazanah Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Brereton, D., Memmott, P., Reser, J., Buultjens, J., Thomson, L., Barker, T., . . . Chambers, C. (2007). Mining and Indigenous Tourism in Northern Australia. In P. C. Cooper, P. T. D. Lacy dan P. L. Jago (Eds.): *CRC for Sustainable Tourism* Pty Ltd.
- Goodwin, H. dan Santilli, R. (2009). *Community-Based Tourism: a success?* (Pp.1-37).
- Hinch, T. dan Butler, R. (2007). Introduction: Revisiting Common Ground. In R. Butler dan T. Hinch (Eds.), *Tourism And Indegenouse Peoples; Issues And Implications* (Pp. 2). USA: Elsevier Ltd.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor. (2011). *Maklumat Kaji Selidik Satu Daerah Satu Industri (SDSI)*. Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor.
- Jami'ah Sukri. (2009, 10 Ogos 2009). Kraftangan Orang Asli, *Berita Harian* p. 16.
- Kalsom Kayat, Nor Ashikin Mohd Nor dan Mohmad Amin Mad Idris. (2004). Pelancongan dan Pembangunan Komuniti. Dalam Dalam Dani Salleh (Ed.), *Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia* (Pp. 150). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Muzium Pribumi. (2007). *Profil Masyarakat Pribumi Mah Meri*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Mathieson, A. dan Wall, G. (1991). *Pelancongan; Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial* (A. K. H. Din, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Anis Md. Nor. (2004). *Tradisi Persembahan Orang Asli: Di Antara Ritual Dan Representasi Dalam Seni Persembahan*. Paper presented at the Seminar Warisan Orang Asli.
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen, Denmark: International Work Group for Indigenous Affairs.

- Norasmah Hj. Othman dan Husnorhafiza Hussin. (2011). Cabaran dan Kelestarian Hidup Masyarakat Orang Asli dalam Kerjaya Keusahawanan. Dalam Norasmah Hj. Othman, Halimatun Harun dan Radin Siti Aishah Radin A Rahman (Eds.), *Keusahawanan Pemangkin Kecemerlangan Negara dan Kelestarian Hidup* (Pp. 213-232). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Renard, Y. (April 2001). *Practical strategies for pro-poor tourism: a case study of the St. Lucia Heritage Tourism Programme* (UK Department for International Development (DFID), Trans.): CRT, IIED and ODI.
- Shaw, G. dan Williams, A. M. (1997). Individual Consumption of Tourism. Dalam L. France (Ed.), *Sustainable Tourism* (Pp. 109). France: L. Earthscan Publications Ltd.
- Siti Khairunnisa Jamalulai. (2014). *Intip Warisan Mah Meri Pulau Carey*. Dalam Santai Travel: Inspirasi Percutianku. Edisi 39 Feb 2014. Pp. 10-11.
- Suhaila Abdul Latif. (2010). *Potensi Keusahawanan di Kalangan Orang Asli*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V 2010.
- Whitford, M. dan Ruhanen, L. (2009). *Indigenous Tourism Businesses in Queensland: Criteria for Success*. Gold Coast, Queensland: CRC for Sustainable Tourism Pty Ltd.
- Yahaya Ibrahim. (2008). Pelancongan Malaysia: Pembangunan Pemerdayaan. Dalam Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad dan Habibah Ahmad (Eds.), *Pelancongan Malaysia; Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan* (Pp. 17). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Yahaya Ibrahim. (2009). Komuniti, Pembangunan dan Transformasi. Dalam Yahaya Ibrahim (Ed.), *Komuniti Pembangunan dan Transformasi*. (Pp. 21-22). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.